

## BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

## NOTA AMALAN 12

## TRANSAKSI BERULANG PIHAK YANG BERKAITAN

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	1 Julai 2001
Tarikh semakan:	Perenggan 10.08 dan 10.09
	3 Ogos 2009, 22 September 2011, 3 Januari 2012, 27 Januari 2015, 2 Januari 2018

**1.0 Pengenalan**

- 1.1 Perenggan 10.08 Kehendak-Kehendak Penyenaraian memperuntukkan tentang obligasi yang mesti dipatuhi oleh penerbit tersenarai berhubung dengan transaksi pihak berkaitan.
- 1.2 Perenggan 10.08 mesti dibaca bersama dengan perenggan 10.09 Kehendak-Kehendak Penyenaraian yang berhubung dengan Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan.
- 1.3 Nota Amalan ini memperuntukkan mengenai yang berikut:
- (a) penjelasan tentang obligasi penzahiran berhubung dengan Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan;
  - (b) penjelasan tentang pemakaian perenggan 10.08 dan 10.09 bagi Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan ("**Kehendak-Kehendak**"); dan
  - (c) maklumat yang dikehendaki bagi surat pekeliling dan pengumuman yang disebut dalam perenggan 10.09(2)(c) dan (e).
- 1.4 Nota Amalan ini mesti dibaca berhubung dengan Kehendak-Kehendak Penyenaraian.
- 1.5 Bagi maksud Nota Amalan ini, a "**penerbit tersenarai**" termasuk anak syarikat penerbit tersenarai.

**2.0 Pemakaian perenggan 10.08 dan 10.09 kepada Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan**

- 2.1 Sebagai tambahan kepada obligasi untuk mengumumkan dengan serta-merta suatu transaksi pihak berkaitan, perenggan 10.08(2) menyatakan bahawa jika mana-mana satu nisbah peratusan transaksi pihak berkaitan ialah 5% atau lebih, penerbit tersenarai mesti mengeluarkan surat pekeliling kepada pemegang syernya, mendapatkan kelulusan khusus pemegang syer bagi transaksi itu dan melantik penasihat bebas.

- 2.2 Selanjutnya, perenggan 10.08(4) menyatakan bahawa jika mana-mana satu nisbah peratusan ialah 25% atau lebih, sebagai tambahan kepada peruntukan di atas, penerbit tersenarai juga mesti melantik penasihat utama.
- 2.3 Walau bagaimanapun, menurut perenggan 10.09, penerbit tersenarai dibenarkan untuk mendapatkan mandat daripada pemegang syernya berkenaan dengan Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan ("**Mandat**").
- 2.4 Jika penerbit tersenarai telah mendapatkan suatu Mandat berkenaan dengan mana-mana Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan, kehendak perenggan 10.08 tidak terpakai bagi Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang termasuk dalam Mandat. Ini bermakna, semasa tempoh sah Mandat, obligasi penzahiran yang dinyatakan dalam perenggan 10.09(1) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, dan obligasi untuk memperoleh kelulusan pemegang syer yang dinyatakan dalam perenggan 10.08 tidak terpakai bagi Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang termasuk dalam Mandat.
- 2.5 Walau bagaimanapun, menurut perenggan 10.09(2)(e) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, penerbit tersenarai dikehendaki mengumumkan dengan serta-merta kepada Bursa apabila nilai sebenar Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang dibuat oleh penerbit tersenarai, melebihi nilai anggaran Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan itu yang dizahirkan dalam surat pekeliling sebanyak 10% atau lebih.

### 3.0 Penjelasan tentang Kehendak-Kehendak

- 3.1 Penerbit tersenarai yang mahu mendapatkan Mandat mesti mematuhi semua kehendak yang dinyatakan dalam perenggan 10.09 Kehendak-Kehendak Penyenaraian. Perenggan ini menyatakan tentang penjelasan berhubung dengan kehendak yang berikut yang diperuntukkan dalam perenggan 10.09(2):

#### 3.1.1 Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan

Dalam hal ini, kekerapan dan keteraturan transaksi itu perlu dipertimbangkan. Suatu transaksi yang telah dibuat atau akan dibuat oleh penerbit tersenarai sekurang-kurangnya sekali dalam 3 tahun dalam perjalanan perniagaannya akan dianggap berulang.

#### 3.1.2 Sifat hasil perlu bagi operasi harian

Dalam hal ini, suatu transaksi pihak berkaitan yang bersifat hasil yang perlu bagi operasi harian mesti sama ada menyumbang secara langsung atau tidak langsung kepada penajaan hasil bagi penerbit tersenarai. Sebagai contoh, dalam hal syarikat perladangan, transaksi yang berikut, yang tidak bersifat menyeluruh, dianggap sebagai bersifat hasil:

- (a) pembelian dan penjualan biji benih, baja dan jentera berhubung dengan perniagaan perladangannya;
- (b) pelantikan subkontraktor untuk membersihkan tanahnya;
- (c) pelantikan pihak ketiga untuk menjual produknya;
- (d) pembelian polisi insurans bagi harta, aset dan pekerjaanya;
- (e) pembelian peralatan pejabat; dan
- (f) penyediaan pengangkutan, penyimpanan dan kemudahan infrastruktur lain.

### 3.1.3 Dalam perjalanan biasa perniagaan

Suatu transaksi pihak berkaitan adalah dalam perjalanan biasa perniagaan, sekiranya ia transaksi yang secara munasabahnya dijangka akan dijalankan oleh penerbit tersenarai mengambil kira jenis perniagaan yang penerbit tersenarai itu terlibat. Hakikat bahawa transaksi itu dibayangkan dalam memorandum persatuan penerbit tersenarai tidak boleh menjadi faktor kukuh bagi menentukannya. Sebagai contoh, berkenaan dengan penerbit tersenarai yang terlibat dengan aktiviti perkilangan, transaksi yang berikut, yang tidak bersifat menyeluruh, dianggap sebagai dalam perjalanan biasa perniagaan penerbit tersenarai:

- (a) pembelian bahan mentah dan bekalan bagi perniagaannya;
- (b) penjualan keluaran siap sama ada secara terus atau melalui pengedar yang dilantik;
- (c) pembinaan loji dan/atau kemudahan infrastruktur lain bagi perniagaannya;
- (d) pembelian atau pajakan jentera, peralatan, kenderaan dan alat ganti bagi pengendalian kilangnya;
- (e) pembelian insurans am bagi kilang dan pekerjanya;
- (f) perawatan sisa dan pelupusan sisa; dan
- (g) pesanan perkhidmatan pengurusan dan sokongan bagi perniagaan pengilangannya.

### 3.1.4 Pembaharuan tahunan

Sesuatu Mandat adalah tertakluk kepada pembaharuan tahunan. Dalam hal ini, apa-apa kuasa yang diberikan mengikut sesuatu Mandat hanya akan terus berkuat kuasa sehingga -

- (a) selesai mesyuarat agung penerbit tersenarai yang pertama selepas mesyuarat agung yang Mandat itu telah diluluskan, yang pada masa itu ia akan luput, melainkan jika melalui suatu ketetapan yang diluluskan pada mesyuarat itu, kuasa itu diperbaharu;
- (b) tamat tempoh yang mesyuarat agung tahunan yang berikutnya selepas tarikh itu dikehendaki diadakan menurut seksyen 340(2) Akta Syarikat (tetapi tidak boleh dilanjutkan kepada pelanjutan yang dibenarkan menurut seksyen 340(4) Akta Syarikat); atau
- (c) dibatalkan atau diubah mengikut ketetapan yang diluluskan oleh pemegang syer dalam mesyuarat agung,

mengikut mana-mana yang lebih awal.

### 3.1.5 Laporan tahunan

Dalam membuat penzahiran nilai agregat Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang dilaksanakan menurut Mandat dalam laporan tahunan penerbit tersenarai, penerbit tersenarai mesti memberikan pecahan nilai agregat Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang dibuat semasa tahun kewangan, antaranya, berdasarkan maklumat yang berikut:

**Nota Amalan 12  
Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan**

- 
- (a) jenis Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang dibuat; dan
- (b) nama pihak berkaitan yang terlibat dalam setiap jenis Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang dibuat dan hubungan mereka dengan penerbit tersenarai.
- 3.2 Walau apa pun penjelasan di atas, yang berikut tidak dianggap sebagai Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan dan dengan itu Mandat tidak terpakai:
- (a) pemerolehan atau pelupusan tanah atau harta berasaskan tanah kecuali dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 3.3(a) di bawah;
- (b) pemerolehan dan pelupusan kapal, kapal terbang dan loji;
- (c) pembuatan pajakan -
- (i) sesuatu harta bagi tempoh melebihi 3 tahun; atau
- (ii) apa-apa aset lain,
- yang melibatkan pembayaran sewa atau apa-apa balasan secara sekali gus (iaitu selain secara ansuran pro-rata bulanan atau tahunan);
- (d) penyediaan bantuan kewangan menurut perenggan 8.23 Kehendak-Kehendak Penyenaraian;
- (e) pemerolehan atau pelupusan sekuriti kecuali dalam hal keadaan yang dinyatakan dalam perenggan 3.3(b) di bawah;
- (f) pembuatan usaha sama;
- (g) pemberian atau pelaksanaan opsyen berhubung dengan perkara yang dinyatakan dalam subperenggan (a), (b), (c) dan (e) di atas; dan
- (h) apa-apa transaksi lain yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa.
- 3.3 Walau apa pun perenggan 3.2 di atas -
- (a) penerbit tersenarai yang dikelaskan di bawah sektor harta Bursa boleh mendapatkan Mandat bagi pemerolehan atau pelupusan tanah atau harta berasaskan tanah dengan syarat transaksi itu ialah Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan dan mana-mana satu nisbah peratusan tidak lebih daripada 10%; dan
- (b) penerbit tersenarai di bawah perenggan 9.20(2)(a), (b) dan (c) Kehendak-Kehendak Penyenaraian boleh mendapatkan Mandat bagi pemerolehan atau pelupusan sekuriti yang merupakan Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan.
- 3.4 Walau apa pun perenggan 3.2(d) di atas dan tertakluk kepada perenggan 10.09 Kehendak-Kehendak Penyenaraian dan peruntukan lain Nota Amalan ini, penerbit tersenarai boleh mendapatkan Mandat berkenaan dengan Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang berikut:
- (a) pengumpulan dana dalam kumpulan syarikat penerbit tersenarai melalui fungsi pengurusan perbendaharaan berpusat atau apa-apa perkiraan serupa yang melibatkan penyediaan bantuan kewangan oleh penerbit tersenarai, anak syarikatnya yang tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham, atau kedua-duanya, secara jangka pendek atau jangka sederhana dengan syarat bahawa -

- (i) penerbit tersenarai pada memohon sesuatu mandat mengikut perenggan 8.23 dan 10.09 Kehendak-Kehendak Penyenaraian, mesti memasukkan dalam surat pekelilingnya, sebagai tambahan kepada apa-apa maklumat lain yang ditetapkan di bawah Kehendak-Kehendak Penyenaraian, anggaran amaun atau nilai bantuan kewangan ("**Anggaran**"); dan
- (ii) walau apa pun perenggan 10.09(2)(e) Kehendak-Kehendak Penyenaraian, sekiranya amaun sebenar bantuan kewangan yang disediakan atau diberikan melebihi Anggaran, penerbit tersenarai mesti dengan serta-merta mengumumkan kepada Bursa. Sekiranya nisbah peratusan amaun bantuan kewangan yang disediakan atau diberikan melebihi Anggaran sebanyak 5% atau lebih, penerbit tersenarai mesti mematuhi perenggan 10.08 Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

Bagi maksud perenggan ini -

- (aa) "**secara jangka pendek atau sederhana**" ertinya bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun; dan
  - (bb) "**kumpulan syarikat**" ertinya anak syarikat, syarikat bersekutu penerbit tersenarai dan syarikat pemegang terdekat penerbit tersenarai yang disenaraikan.
- (b) pemberian jaminan, tanggung rugi atau apa-apa cagaran lain kepada atau memihak kepada seseorang lain yang perlu untuk mendapatkan suatu kontrak atau memperoleh kerja daripada orang lain atau untuk membolehkan orang lain untuk memulakan atau menyiapkan kontrak atau kerja bagi penerbit tersenarai atau anak syarikatnya.
- (c) penyediaan bantuan kewangan berkenaan dengan perniagaan -
- (i) pajakan, pemfaktoran atau sewa beli yang dijalankan oleh penerbit tersenarai atau anak syarikatnya yang tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham; atau
  - (ii) pembiayaan syer atau pembiayaan margin syer yang dijalankan oleh penerbit tersenarai atau anak syarikatnya yang tidak disenaraikan di mana-mana bursa saham yang merupakan Organisasi Peserta; atau share
  - (iii) apa-apa perniagaan serupa lain yang ditentukan oleh Bursa.

#### 4.0 Maklumat dalam surat pekeliling dan pengumuman

- 4.1 Penerbit tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Lampiran PN12-A dan Lampiran PN12-B masing-masing dalam surat pekeliling dan pengumuman yang dikehendaki di bawah perenggan 10.09(2)(c) dan (e) Kehendak-Kehendak Penyenaraian.

**Lampiran PN12-A**  
**Kandungan surat pekeliling bagi mandat pemegang syer**

---

**LAMPIRAN PN12-A**

**Kandungan surat pekeliling kepada pemegang syer bagi mandat pemegang syer**  
(perenggan 4.1)

- (1) Tajuk yang menarik perhatian kepada kepentingan surat pekeliling dan menasihati pemegang syer yang ragu berkenaan tindakan yang perlu diambil untuk merundingi penasihat bebas yang sesuai.
- (2) Pernyataan bahawa Bursa Malaysia Securities Berhad tidak bertanggungjawab terhadap kandungan surat pekeliling, tidak membuat apa-apa representasi bagi ketepatan atau kecukupannya dan dengan nyata menafikan apa-apa liabiliti bagi apa-apa kerugian yang timbul daripada atau dengan sebab bergantung kepada keseluruhan atau apa-apa bahagian kandungan dokumen itu.
- (3) Aktiviti perniagaan utama penerbit tersenarai dan anak syarikatnya, perincian sifat Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang dipertimbangkan dalam Mandat termasuk aktiviti, produk, dan anggaran nilai agregat Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang berkenaan yang dipertimbangkan dalam Mandat, dan perincian golongan pihak berkaitan yang dengannya Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan akan dijalankan termasuk hubungan dengan penerbit tersenarai dan nama pihak ini. Jika anggaran nilai Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan tidak dapat ditentukan, nyatakan sebab.
- (4) Rasional bagi, dan faedah kepada, penerbit tersenarai atau anak syarikatnya yang berurus niaga dengan pihak berkaitan.
- (5) Kaedah atau tatacara penerbit tersenarai untuk memastikan bahawa Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang dipertimbangkan dalam Mandat dibuat mengikut harga dan terma transaksi yang tidak lebih baik kepada pihak berkaitan daripada yang umumnya tersedia kepada orang awam dan tidak menjejaskan pemegang syer minoriti.
- (6) Pandangan jawatankuasa audit tentang sama ada tatacara di atas mencukupi untuk memastikan bahawa Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan tidak lebih baik kepada pihak berkaitan daripada yang umumnya tersedia kepada orang awam dan tidak menjejaskan pemegang syer minoriti.
- (7) Kepentingan, langsung atau tidak langsung, pengarah dan/atau pemegang syer utama dan/atau orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer utama dalam cadangan itu dan pemegang syer langsung dan tidak langsung pihak berkaitan itu dalam penerbit tersenarai.
- (8) Pernyataan bahawa pengarah berkepentingan telah menahan diri dan/atau akan menahan diri daripada pertimbangan dan pengundian lembaga bagi ketetapan yang berkenaan.
- (9) Pernyataan bahawa pengarah, pemegang syer utama dan/atau orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer utama, yang mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam cadangan itu akan menahan diri daripada pengundian berkenaan dengan pemegang syer langsung dan/atau tidak langsungnya. Jika orang yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang syer utama mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam cadangan itu, pernyataan bahawa pengarah atau pemegang syer utama yang berkaitan juga akan menahan diri daripada pengundian berkenaan dengan pemegang syer langsung dan/atau tidak langsungnya. Selanjutnya, pernyataan bahawa pengarah dan/atau pemegang syer utama berkepentingan itu telah mengaku janji bahawa dia akan memastikan bahawa orang yang berkaitan dengannya menahan diri daripada pengundian bagi ketetapan yang mempertimbangkan atau meluluskan cadangan itu pada mesyuarat Agung.

Lampiran PN12-A  
Kandungan surat pekeliling bagi mandat pemegang syer

- 
- (10) Pernyataan oleh lembaga pengarah sama ada cadangan itu adalah demi kepentingan terbaik penerbit tersenarai dan jika seseorang pengarah tidak bersetuju dengan pernyataan itu, suatu pernyataan oleh pengarah itu yang menyatakan sebab dan faktor yang dipertimbangkan dalam membuat pendapat itu.
- (11) Nilai ambang bagi kelulusan Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan dalam kumpulan syarikat penerbit tersenarai.
- (12) Pernyataan bahawa sekurang-kurangnya 2 transaksi semasa lain dengan pihak ketiga yang tidak berkaitan bagi produk/perkhidmatan dan/atau kuantiti yang serupa akan digunakan sebagai perbandingan, jika dapat dilaksanakan, untuk menentukan sama ada harga dan terma yang ditawarkan kepada/oleh pihak berkaitan adalah adil dan munasabah dan boleh dibandingkan dengan yang ditawarkan kepada/oleh pihak ketiga lain yang tidak berkaitan bagi keluaran/perkhidmatan yang sama atau yang secara substansialnya serupa jenis dan/atau kuantiti. Sekiranya sebut harga atau harga berbanding daripada pihak ketiga yang tidak berkaitan tidak dapat diperolehi (contohnya, sekiranya tiada vendor/pelanggan pihak ketiga yang tidak berkaitan bagi produk atau perkhidmatan yang serupa, atau sekiranya produk/perkhidmatan itu ialah butiran empunya), nyatakan bagaimana harga transaksi akan ditentukan dan pastikan bahawa Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan tidak menjejaskan penerbit tersenarai atau kumpulan syarikatnya.
- (13) Pernyataan oleh jawatankuasa audit bahawa kumpulan syarikat telah mempunyai tatacara dan proses yang mencukupi untuk memantau, mengesan dan mengenal pasti Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan dalam masa yang tepat dan mengikut cara yang teratur, dan kekerapan kajian semula tatacara dan proses ini.
- (14) Nilai sebenar yang diurusniagakan bagi setiap Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan, dari tarikh yang mandat sedia ada diperolehi sehingga tarikh terakhir yang praktik sebelum pencetakan draf surat pekeliling ("**Nilai Sebenar**").
- (15) Nilai anggaran setiap Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan sebagaimana yang dizahirkan dalam surat pekeliling tahun sebelumnya kepada pemegang syer ("**Nilai Anggaran**").
- (16) Sebab bagi penyisihan, jika Nilai Sebenar melebihi Nilai Anggaran sebanyak 10% atau lebih.
- (16A) Jika suatu amaun kena dibayar dan terhutang kepada penerbit tersenarai oleh pihak berkaitannya menurut suatu Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan, suatu pecahan amaun prinsipal dan faedah bagi jumlah keseluruhan amaun terhutang yang kena dibayar di bawah Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang melebihi tempoh kredit bagi tempoh yang berikut setakat akhir setiap tahun kewangan:
- (a) tempoh 1 tahun atau kurang;
  - (b) tempoh melebihi 1 tahun hingga 3 tahun;
  - (c) tempoh melebihi 3 tahun hingga 5 tahun; dan
  - (d) tempoh melebihi 5 tahun.
- (16B) Butir-butir yang berikut mesti dizahirkan bersama-sama dengan maklumat dalam perenggan 16A di atas:
- (a) apa-apa caj pembayaran lewat yang dikenakan dan jika tiada caj pembayaran lewat dikenakan, nyatakan sebab;
  - (b) kausa tindakan yang diambil atau akan diambil oleh penerbit tersenarai untuk mendapatkan balik amaun terhutang yang kena dibayar; dan

Lampiran PN12-A

**Kandungan surat pekeliling bagi mandat pemegang syer**

---

- (c) pendapat lembaga pengarah penerbit tersenarai tentang apa-apa amaun terhutang yang lama kena dibayar termasuk ulasan tentang mendapatkannya balik.
- (17) Syor daripada lembaga pengarah (selain pengarah berkepentingan) tentang tindakan pengundian yang patut diambil oleh pemegang syer.
- (18) Suatu lampiran yang mengandungi maklumat yang berikut:
- (a) suatu pernyataan tanggungjawab oleh pengarah bahawa surat pekeliling itu telah dilihat dan diluluskan oleh pengarah penerbit tersenarai dan bahawa mereka secara kolektif dan secara individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat yang diberikan dan mengesahkan bahawa selepas membuat semua pertanyaan yang munasabah mengikut pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka tiada fakta lain yang peninggalannya akan menyebabkan apa-apa pernyataan dalam surat pekeliling itu mengelirukan;
  - (b) jika seseorang dinamakan dalam surat pekeliling sebagai telah menasihati penerbit tersenarai atau pengarahnya, suatu pernyataan bahawa penasihat itu telah memberikan dan tidak menarik balik persetujuan bertulisnya untuk memasukkan nama dan/atau surat penasihat itu (jika berkenaan) dalam bentuk dan mengikut konteks yang ia dimasukkan;
  - (c) suatu pernyataan tentang semua kontrak material (bukan merupakan kontrak yang dibuat dalam perjalanan biasa perniagaan) yang dibuat oleh penerbit tersenarai dan/atau anak syarikatnya dalam tempoh 2 tahun sebaik sebelum tarikh surat pekeliling itu. Butir-butir yang berikut mesti dizahirkan berkenaan dengan setiap kontrak itu:
    - (i) tarikh kontrak;
    - (ii) pihak-pihak kepada kontrak;
    - (iii) sifat umum; dan
    - (iv) balasan dan kaedah memenuhi balasan;
  - (d) suatu pernyataan tentang semua litigasi, tuntutan atau timbang tara material yang melibatkan penerbit tersenarai dan/atau mana-mana anak syarikatnya, termasuk yang belum selesai atau yang diancam terhadap perbadanan itu. Butir-butir yang berikut mesti dizahirkan:
    - (i) latar belakang;
    - (ii) tarikh guaman;
    - (iii) nama plaintif dan defendan;
    - (iv) jangkaan pendedahan maksimum kepada liabiliti;
    - (v) pendapat pengarah/peguam tentang keputusan; dan
    - (vi) status;
  - (e) suatu pernyataan bahawa bagi tempoh dari tarikh surat pekeliling sehingga tarikh mesyuarat agung dokumen yang berikut (atau salinan dokumen tersebut) boleh diperiksa di pejabat berdaftar penerbit tersenarai:



**Lampiran PN12-A  
Kandungan surat pekeliling bagi mandat pemegang syer**

---

- (i) perlembagaan;
  - (ii) penyata kewangan teraudit penerbit tersenarai/kumpulan bagi 2 tahun kewangan yang lepas dan keputusan tidak teraudit terkini sejak penyata kewangan teraudit terakhir;
  - (iii) semua laporan, surat atau dokumen lain, penyata kedudukan kewangan, penilaian dan pernyataan oleh mana-mana pakar, yang mana-mana bahagiannya dicabut atau disebut dalam surat pekeliling;
  - (iv) surat persetujuan yang disebut dalam subperenggan (b) di atas;
  - (v) kontrak material yang disebut dalam subperenggan (c) di atas; dan
  - (vi) kertas kausa yang berkaitan berkenaan dengan litigasi material yang disebut dalam subperenggan (d) di atas; dan
- (19) apa-apa maklumat lain yang berkaitan dengan cadangan yang pemegang syer dan penasihatnya mungkin secara munasabahnya menghendaki dan yang mungkin secara munasabahnya menjangka untuk mendapati dalam surat pekeliling bagi maksud membuat suatu penilaian yang tepat tentang merit untuk meluluskan cadangan itu dan takat risiko yang terlibat dalam berbuat demikian.

[ Lampiran Tamat ]

Lampiran PN12-B  
Kandungan pengumuman bagi  
Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan

---

LAMPIRAN PN12-B

**Kandungan pengumuman bagi suatu Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan**  
(perenggan 4.1)

- (1) Nilai anggaran Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan sebagaimana yang dizahirkan dalam surat pekeliling kepada pemegang syer ("**Nilai Anggaran**").
- (2) Nilai sebenar Transaksi Berulang Pihak Yang Berkaitan yang diurusniagakan, dari tarikh Mandat sedia ada diperolehi sehingga tarikh pengumuman ("**Nilai Sebenar**").
- (3) Perbezaan (dalam nilai dan peratusan) bagi variasi antara Nilai Sebenar dengan Nilai Anggaran sebanyak 10% atau lebih, dan sebab perbezaan itu.

[ Lampiran Tamat ]